

14 JUN 1998

Mohamed-kebakaran

MALAYSIA-INDONESIA BINCANG TANGANI KEBAKARAN AKHIR BULAN INI

KUALA LUMPUR, 14 Jun (Bernama) -- Mesyuarat pertama jawatankuasa bersama Malaysia-Indonesia bagi menangani kebakaran terbuka akhir bulan ini akan menetapkan prosedur bagi membolehkan operasi melepasi sempadan antara kedua-dua negara dijalankan tanpa halangan.

Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat berkata mesyuarat di Jakarta itu akan menyediakan rangka kerja yang akan digunakan sebagai prosedur standard dalam kerjasama kedua-dua negara menangani kebakaran terbuka dan jerebu.

"Menteri berkenaan dari Indonesia sudah menghubungi saya untuk mengadakan mesyuarat pertama itu akhir bulan ini untuk kita menyediakan satu rangka kerja bagi operasi melepasi sempadan," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Mohamed yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negara berkata kerjasama itu berasaskan memorandum persefahaman yang ditandatangani oleh kedua-dua negara baru-baru ini.

Beliau berkata dengan itu sebarang langkah yang diambil oleh kedua-dua negara dalam menangani kebakaran terbuka dan jerebu dapat dilaksanakan tanpa halangan.

Malaysia, selaku tuan rumah Sukan Komanwel ke-16 September ini, mahu sebarang kebakaran yang berlaku dipadamkan segera bagi mengelakkan kemungkinan jerebu.

"Kita sudah periksa tompok merah melalui gambar satelit yang menunjukkan sudah tidak ada lagi kebakaran tetapi musim panas akan bermula di Indonesia tidak lama lagi dan ada kemungkinan berlaku kebakaran," katanya.

Mohamed berkata Malaysia akan membantu memadamkan kebakaran di Indonesia jika negara itu tidak mampu.

Sebelum itu Mohamed yang juga Setiausaha Agung Barisan Nasional (BN), menghadiri mesyuarat Dewan Tertinggi BN yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra.

-- BERNAMA

MNY RA MAI